

KEJOHANAN LIGA HOKI MASUM 2008- HOKI UniMAP YAKIN BOLEH



Tirai Liga Hoki MASUM 2008 telah dibuka kejohanannya pada awal bulan Mac 2008. Pada kejohanan kali ini pihak UniMAP telah bersedia dengan barisan pemain-pemain baru di samping gandingan beberapa pemain lama. Pada musim ini Pasukan Hoki Pelajar UniMAP telah beraksi pada divisyen 2 dimana pasukan UniMAP diletakan bersama pasukan MMU,UUM,UPNM,UDM, UTEM,USM,UMP dan UTHM.

Pada perlawanan pertama 15 Mac 2008 yang bertemu UMP, keputusan adalah seri 0-0 manakala perlawanan ke-2 dengan UDM bertempat di UiAM permainan ditunda disebabkan hujan pada separuh masa kedua, walaubagaimanapun pada separuh masa pertama UniMAP mendahului perlawanan dengan jaringan 2-0.

Seterusnya perlawanan yang ke-3 UniMAP bertandang ke Stadium Hoki UTEM Melaka bagi perlawanan yang menentang UPNM, namun nasib tidak menyebelahi pasukan UniMAP apabila tewas dengan keputusan 4-1.